

Pelajar UMP jadi anak angkat

PEKAN 13 Feb. – Seramai 36 pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia Sumber Asli, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Khidmat Siswa 2007 di Kampung Sungai Miang, di sini hari ini.

Pengarah program, Wan Mohd. Nadzmi Wan Yaakub, 20, berkata, program selama lima hari yang bermula hari ini melibatkan 28 keluarga yang kebanyakannya bekerja sebagai nelayan.

Katanya, antara objektif program ialah memupuk kesedaran tentang pentingnya pelajaran di kalangan anak-anak kampung, selain merapatkan hubungan dengan penduduk melalui pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang dirancang.

“Kita juga akan adakan program motivasi untuk murid sekolah rendah, gotong-ro-yong membersihkan kawasan kampung dan forum perdana,” katanya pada Majlis Penyerahan Anak Angkat sempena program tersebut, di Sekolah Kebangsaan Sungai Miang, di sini hari ini.

Program tersebut dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Peramu Jaya, Wan Iqbal Wan Abdul Hamid.

Pada majlis yang sama, keluarga angkat dan pelajar UMP turut tidak melepaskan peluang mengunjungi kanak-kanak kenit Muhd. Zull Hanif Abd. Halim, 7, yang



WAN Iqbal Afzan Wan Abdul Hamid (kiri) beramah mesra dengan sebahagian pelajar Universiti Malaysia Pahang yang menyertai Program Khidmat Siswa 2007 di Kampung Sungai Miang, Pekan, Pahang, semalam.

belajar di sekolah tersebut.

Wan Mohd. Nadzmi berkata, selain program kemasyarakatan, pelajar UMP juga akan dibawa melawat tempat-tempat menarik di sekitar Pekan.

Beliau berharap, program tahunan yang dijalankan itu akan memberikan pengalaman berharga kepada para pelajar dan dapat dijadikan panduan selepas menamatkan pengajian.

um/26/11muu/12abu/124/2